

17/12/1997

PM dapatkan penjelasan Ghapur

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mendapatkan penjelasan daripada Datuk Abdul Ghapur Salleh mengenai peletakan jawatannya daripada Kabinet negeri.

Ghapur dijangka menemui Perdana Menteri selewat-lewatnya hujung minggu ini berdasarkan jadual Dr Mahathir yang sedikit lega pada waktu itu.

Ditanya sama ada timbul sebab lain Ghapur meletakkan jawatan, Dr Mahathir berkata: "Itu saya tidak tahu. Kalau ada sebab betul-betul kenapa dia berhenti, itu soal lain.

"Kita tengok dulu apa sebab beliau meletakkan jawatan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan sidang akhbar pada hari terakhir Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Kedua, di sini petang tadi.

Ghapur yang mengumumkan peletakan jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan serta Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Sabtu lalu memberi alasan peribadi dan 'gagal menjalankan tugas' sebagai faktor beliau berbuat demikian.

Peletakan jawatan itu hanya akan berkuatkuasa pada 18 Disember ini. Ghapur bagaimanapun masih kekal sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) Tawau.

Diminta mengulas mengenai peletakan jawatan itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak beranggapan atau berasa apa-apa.

"Saya tidak rasa apa-apa kerana tidak tau sebab (beliau meletak jawatan)," katanya.

(END)